

Petronas Carigali ke Bursa Malaysia

Kerajaan kaji penyenaaraian bagi tarik lebih ramai pelabur sertai pasaran tempatan



New York: Anak syarikat PETRONAS mungkin disenaraikan dalam Bursa Malaysia bagi menarik lebih ramai pelabur ke pasaran saham tempatan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Petronas Carigali Sdn Bhd (Petronas Carigali), unit hulu dalam syarikat minyak Fortune 100 negara itu, mungkin satu daripada anak syarikat berkenaan, tetapi ada juga yang lain yang berpotensi.

Pada satu majlis dialog bersama pengurus dana di ibu pejabat JP Morgan, di sini kelmarin, Dr Mahathir dimaklumkan bahawa ramai pelabur percaya penyenaaraian PETRONAS atau Petronas Carigali mampu merangsang bursa tempatan.

"Kita melihatnya sebagai satu kemungkinan, tetapi pada masa kini kita berasakan bahawa mengenal saham PETRONAS tidaklah unik kerana kita mahu PETRONAS menyokong kerajaan.

"Mungkin pada peringkat seterusnya, kita boleh mempertim-

bangkan perkara itu. Namun, apa yang kita persetujui ialah untuk beralih kepada anak syarikat. Kita boleh menjual saham dalam subsidiari kerana ia tidak akan banyak menjejaskan PETRONAS.

"Satu daripadanya ialah (Petronas) Carigali, tetapi ada juga beberapa yang lain," kata Perdana Menteri.

Perbincangan pasaran mengenai penyenaaraian Petronas Carigali dipertutuskan beberapa kali sejak beberapa tahun lalu, namun tidak pernah menjadi kenyataan.

Pada 2010, penganalisis menganggarkan unit penerokaan dan pengeluaran PETRONAS itu berpotensi memiliki modal pasaran hingga RM150 bilion.

Ditanya kemungkinan kerajaan akan turut menggalakkan Khazanah Nasional Bhd terus menjual pegangan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu mengekalkan beberapa kawalan dalam industri strategik tertentu yang memberi pulangan menguntungkan.

"Kita selalu percaya bahawa kerajaan tidak sepatutnya terbit dalam perniagaan. Kita tidak bagus mengenainya.

"Lebih baik perniagaan itu dijalankan oleh ahli perniagaan sendiri. Ini masih menjadi dasar kita dan kita menjual banyak syarikat yang dimiliki Khazanah," katanya.

Mengenai janji kerajaan dalam manifesto pilihan raya lalu untuk membayar 20 peratus royalti minyak kepada Sabah dan Sarawak, Perdana Menteri berkata, angka itu perlu dikaji semula supaya tidak menjejaskan

PETRONAS.

"Ada banyak perkara dalam manifesto yang dibuat tanpa mengetahui masalah sebenar. Sekarang kita dalam kerajaan, kita mendapati jika memberikan 20 peratus kepada dua negeri itu, PETRONAS tidak akan lagi menjadi syarikat minyak antara bangsa.

"Kita perlu merayu kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak bahawa ia benar-benar tidak berkesan. Mereka juga prihatin, mereka tidak mahu membunuh PETRONAS, tetapi pada masa sama mahu lebih banyak wang.

"Jadi, kita cuba berusaha bagaimana boleh memberi mereka wang tanpa menjejaskan kekuatan PETRONAS sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, PETRONAS adalah pembiaya terbesar dalam kerajaan menerusi dividen dan bayaran cukai yang digunakan untuk membantu membayar hutang negara.

Mengenai jangkaan pelabur daripada Belanjawan 2020 yang bakal dibentangkan 11 Oktober depan, Perdana Menteri berkata, dasar baharu kerajaan, Wawasan Kemakmuran Bersama akan memaparkan perancangan ekonomi dari sekarang.

"Kita mahu berkongsi kemakmuran antara bandar dengan negara, antara negeri dengan negeri, antara kaum berbeza serta antara kaya dengan miskin. Jurang perbezaan ini perlu dikurangkan dan ini perlu dilihat dalam belanjawan akan datang.

"Ini bermakna sudah pasti kita akan memberikan sedikit kepada yang lebih makmur dan banyak kepada yang kurang makmur," katanya.